

Sistem penempatan doktor kontrak tak telus - MMA

Oleh [Fahmy A Rosli](#) - November 8, 2024 @ 5:04pm
fahmy.azril@bh.com.my



Presiden MMA, Presiden MMA, Dr Kalwinder Singh Khaira

KUALA LUMPUR: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) melahirkan kebimbangan terhadap cara pengurusan penempatan dalam kalangan doktor muda kontrak yang diberikan jawatan tetap. Presiden MMA, Dr Kalwinder Singh Khaira, berkata terdapat kelemahan membabitkan ketelusan mengenai kriteria pemilihan penempatan oleh pemohon selain wujud masalah teknikal bagi pemilihan penempatan.

Justeru, katanya keadaan itu menimbulkan kekecewaan dalam kalangan sesetengah doktor muda.

"Satu isu besar dalam isu penempatan terkini adalah kurang kejelasan mengenai kriteria pemilihan untuk jawatan tetap.

"Ramai doktor muda yang telah berkhidmat dengan penuh dedikasi kini tertanya-tanya, mengapa ada beberapa rakan sekerja mereka yang ditawarkan jawatan tetap, sedangkan yang lain tidak dan diletakkan dalam senarai simpanan.

"Ketiadaan ketelusan ini mencetuskan kekecewaan dan kehampaan dalam kalangan doktor-doktor ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Dr Kalwinder, pihaknya juga ada menerima aduan berhubung sistem permohonan penempatan mengalami gangguan dan kekurangan slot negeri semasa proses permohonan.

Berdasarkan maklum balas diterima, beliau berkata MMA mendapati sistem permohonan penempatan henti berfungsi sebaik saja ia dibuka, sekali gus menyebabkan ramai pemohon tidak dapat mengaksesnya.

"Apabila sistem dipulihkan, beberapa negeri sudah kehabisan slot menyebabkan doktor muda terpaksa memilih lokasi yang jauh dari tempat mereka kehendaki.

"Ramai yang bersedia untuk kekal di tempat di mana mereka membina pengalaman dan kemahiran, tetapi berlaku pula kekurangan slot dan had masa sistem tidak berfungsi yang akhirnya menyebabkan mereka tiada pilihan.

"Oleh itu, kerajaan perlu menimbang untuk membenarkan doktor yang telah terlatih dalam bidang tertentu kekal di tempat mereka sekarang, jika mereka bersedia berbuat demikian," katanya.

Selain itu, Dr Kalwinder mahu input daripada ketua jabatan perlu diberikan pertimbangan yang kuat dalam keputusan pemindahan atau penempatan bagi mengelak sebarang risiko.

Jelasnya, memindahkan doktor muda yang berpengalaman tanpa perbincangan berisiko mengganggu perkhidmatan kritikal dan keperluan jabatan serta perkhidmatan sedia ada.

Beliau menjelaskan perpindahan doktor muda dari tempat asal perkhidmatan mereka, bukan saja menambah kos kerajaan malah, kos yang perlu ditanggung doktor itu sendiri.

Untuk menangani isu ini, pihaknya meminta agar kriteria pemilihan bagi jawatan tetap yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) diumumkan kepada semua pemohon.

Langkah ini, katanya sangat membantu dalam memperoleh kepercayaan doktor, orang awam dan memastikan keadilan.

"Dalam perancangan tenaga kerja, MMA selalu menyarankan agar ketelusan dilaksanakan dan data mengenai tenaga kerja yang terdapat di kemudahan penjagaan kesihatan awam di seluruh negara diterbitkan.

"Ini penting bagi mengelakkan pengagihan tenaga kerja kesihatan yang tidak seimbang. Maklumat ini perlu diperkayakan dengan keperluan setiap fasiliti berdasarkan jumlah katil dan perkhidmatan yang disediakan

"Ia mencakupi perkhidmatan penjagaan harian dan bilik pembedahan penjagaan harian, perkhidmatan pesakit dalam dan luar serta klinik biasa dan pakar," katanya.